

07 DEC 1998  
Parlimen-Soros  
PAS DITEGUR KERANA LEBIH PERCAYA PADA ORANG YAHUDI

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Sikap seorang anggota Pas hari ini ditegur kerana lebih mempercayai pedagang matawang George Soros yang beragama Yahudi daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohd Nazri Aziz berkata: "Saya amat dukacita iaitu seorang anggota Parlimen dari parti Islam, yang sanggup tidak percaya kepada seorang Perdana Menteri beragama Islam dan lebih percaya kepada Soros, orang Yahudi, yang sememangnya kita tahu sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan kita."

Haji Wan Mohd Jamin Wan Mahmood (PAS-Tumpat) dalam soalan tambahannya meminta pandangan Nazri mengenai kenyataan Soros baru-baru ini yang mahu rakyat Malaysia menyingkirkan Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan.

Timbalan Speaker Datuk Ong Tee Keat yang mempengerusikan mesyuarat berkata soalan itu terkeluar dari soalan asal dan tidak perlu dijawab.

Bagaimanapun, Nazri bangun sambil berkata, "Saya nak jawab. Saya nak jawab."

Ong pula berkata, "soalan ini dah terkeluar (dari soalan asal). Tapi kalau Yang Berhormat nak jawab, jawablah."

Nazri berkata beliau hairan kenapa Pas mahu mempercayai cakap Soros.

"Ini satu penipuan oleh Soros. Pas ini Islam dan Soros tu Yahudi. Kita kenal siapa Soros...yang membuat tuduhan membabi buta," katanya.

Semasa menjawab soalan asal Haji Ibrahim Mahmood (PAS-Kuala Krai) Nazri berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak perlu mencipta alasan tertentu seperti sengaja membangkitkan isu pertikaian dengan Sinagapura bagi mengalihkan pandangan rakyat.

Menjawab soalan tambahan Wan Hanafiah Wan Mat Saman (BN-Poko Sena) beliau berkata pembohongan yang dibuat oleh parti pembangkang bukanlah perkara baru.

"Yang penting rakyat yang putuskan siapa yang lemah dan siapa yang tak lemah dan sembilan kali kita dah melalui pilihan raya dan jelas rakyat tahu BNlah yang kuat dan bukan pembangkang," katanya.

--BERNAMA

NZ RI